

# Malaysia perlu luaskan pasaran

SHAH ALAM 6 Jun — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Malaysia perlu meluaskan pasaran luar negara bagi merebut kelebihan daya saingan ekonomi yang dimiliki untuk muncul sebagai salah sebuah negara yang mempunyai industri automotif bertaraf antarabangsa.

Katanya, dalam hal ini Edaran Otomobil Nasional (EON) kini berada dalam kedudukan yang baik untuk membantu Perusahaan Otomobil Nasional (PROTON) mere-

but pelbagai peluang yang terdapat dalam pasaran baru di seberang laut.

"Ini boleh dilakukan dengan menggunakan kepakarannya dalam bidang pemasaran kereta Proton dan pencapaian telah dicatat sedekad yang lalu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Ibu Pejabat EON yang baru, di sini, hari ini.

Dr. Mahathir berkata, di samping itu, EON sebagai sebuah syarikat perdagangan, boleh mening-

katkan eksport kereta Proton melalui urusan perdagangan timbal balas.

Katanya, kejayaan kereta nasional juga bergantung kepada keupayaan Proton menguasai sebilangan pasaran eksport.

"Ini kerana pasaran tempatan adalah kecil. Kejayaan Proton adalah penting untuk menentukan keberkesanan daya saing kereta Proton di peringkat antarabangsa," katanya.

Perdana Menteri berkata, perlantikan EON da-

lam Program Syarikat Perdagangan Am menandakan kepercayaan kerajaan kepada EON untuk membantu dalam usaha-usaha mempertingkatkan eksport dengan negara-negara luar, terutamanya dengan negara-negara Selatan.

"Saya berharap EON akan muncul sebagai syarikat yang berjaya dalam perdagangan luar negara seperti kejayaannya dalam memasarkan kereta Proton di Malaysia," katanya.

Dr. Mahathir juga ba-

ngga kerana EON telah mula melangkah ke seberang laut menerusi pelaburannya dalam Cycle and Carriage Ltd., sebuah syarikat gergasi di Singapura, Proton Car Europe untuk memasarkan kereta Proton di Eropah serta kegiatan EON Trading dalam perdagangan am di peringkat antarabangsa.

"Usaha-usaha ini adalah selaras dengan dasar kerajaan M yang menggalakkan perdagangan dan pelaburan di negara-negara lain, termasuk negara-negara di Selatan," katanya.